

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI**  
**KAWASAN : BAGAN SERAI**  
**TARIKH : 3 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN : 57**

**SOALAN**

DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan selain penarikan pelaburan dan pembukaan pasaran baru, adakah Malaysia mempunyai strategi yang komprehensif untuk tingkatkan hubungan dua hala Malaysia – China khususnya dalam konteks pelaburan, dagangan dan pemindahan teknologi dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi membolehkan Malaysia lebih memahami negara, ekonomi dan masyarakat China secara lebih khusus.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia merupakan negara pertama di ASEAN yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China sejak tahun 1974. Sebagai sebuah kuasa ekonomi terbesar dunia yang mempunyai saiz pasaran yang sangat besar dengan jumlah penduduk seramai 1.4 bilion orang, China kekal menjadi fokus bagi pasaran eksport Malaysia. Strategi ekonomi dan perdagangan dua hala di antara Malaysia dan China dilaksanakan menerusi dua pelan komprehensif iaitu:

- a) Program Lima Tahun Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan; dan
- b) Perjanjian Persefahaman (MoU) Menggalakkan Pembangunan Ekonomi Bersama Menerusi Inisiatif Laluan Sutra dan Laluan Maritim Kurun Ke-21.

2. Program Lima Tahun Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan yang dimeterai pada 4 Oktober 2013 merupakan salah satu strategi untuk meningkatkan hubungan dua hala Malaysia-China khususnya dalam konteks pelaburan, dagangan dan pemindahan teknologi. Bidang-bidang kerjasama merangkumi sektor pertanian, perkilangan, taman perindustrian, perkhidmatan kejuruteraan dan seni bina, maklumat & telekomunikasi, logistik & peruncitan. Program ini akan dilanjutkan ke kitaran kedua bagi tempoh 2018 hingga 2022 bagi mencapai sasaran perdagangan dua hala, iaitu USD160 bilion sepertimana yang ditetapkan oleh pemimpin kedua-dua negara. Setakat ini, perbincangan dalaman masih dijalankan dan dijangka bidang-bidang baru akan ditambah bagi

membuka lebih banyak peluang kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana Malaysia.

3. Bagi memastikan negara mengambil peluang dalam perniagaan dan pelaburan melalui Inisiatif Laluan Sutera Dan Laluan Maritim Kurun Ke-21 Republik Rakyat China (*Belt & Road Initiative - BRI*), Malaysia dan China telah menandatangani satu perjanjian BRI pada 13 Mei 2017 semasa penyertaan YAB Perdana Menteri di *Belt and Road Forum for International Cooperation* di Beijing. Sehubungan dengan usaha ini, Sekretariat Kebangsaan BRI telah ditubuhkan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia untuk menyelaras, mengkoordinasi dan memantau pelaksanaan BRI di Malaysia.

4. Bidang-bidang kerjasama merangkumi infrastruktur, perkhidmatan pengangkutan, pertukaran pengetahuan, E-dagang, bantuan kewangan, perkilangan, teknologi maklumat dan komunikasi. Dalam perjanjian BRI tersebut, Malaysia telah menggariskan bahawa usaha tarikan pelaburan akan disasarkan kepada pelaburan berkualiti yang membolehkan pemindahan teknologi serta menggalakkan penggunaan rangkaian bekalan tempatan.

5. Selaras dengan fokus tersebut dan dasar semasa berkaitan penarikan pelaburan langsung asing, Kerajaan akan menggalakkan pelaburan China dalam projek-projek yang berasaskan teknologi tinggi dan mempunyai nilai tambah yang tinggi termasuk *smart manufacturing* dan automasi serta sektor perkhidmatan yang terpilih. Projek-projek ini khususnya digalakkan dalam sektor-sektor elektronik dan elektrik, jentera dan logam dan kimia.

6. Kerajaan juga menggalakkan usaha sama dan penglibatan syarikat-syarikat kerajaan dan sektor swasta dalam projek-projek pembangunan bagi merancakkan ekonomi negara, seterusnya memberi peluang dan membangunkan rantaian bekalan perkhidmatan oleh syarikat-syarikat tempatan. Model perniagaan seperti penggabungan dan pengambilalihan (*mergers and acquisitions*) amat digalakkan. Dalam usaha ini, agensi MITI khususnya MIDA akan memainkan peranan aktif bagi menarik pelaburan asing supaya bekerjasama dengan kerajaan negeri, persatuan-persatuan industri & perniagaan, institusi kewangan dan sebagainya.

7. Selain aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan, Persatuan-persatuan industri dan perniagaan seperti *Malaysia-China Business Council*, *The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia*, *Malaysia-China Chamber of Commerce* dan *China-ASEAN Business Council* juga merupakan antara platform untuk membolehkan Malaysia lebih memahami Negara, ekonomi dan masyarakat China secara lebih khusus. Persatuan-persatuan ini juga mempunyai program masing-masing bagi memantapkan lagi hubungan komuniti perniagaan antara kedua-dua negara.

8. Dari segi perdagangan, MITI melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah merangka beberapa strategi utama untuk meningkatkan perdagangan dua hala dengan China seperti berikut:

- a) Mempergiat dan Mempelbagaikan Program - Program Promosi ke Negara China;

- b) Perdagangan E-Dagang Rentas Sempadan;
- c) Bekerjasama dengan Syarikat Milikan Kerajaan (*State Owned Enterprise*) dan syarikat-syarikat besar China;
- d) Memanfaatkan Hong Kong selaku *Back Door Entrance* ke China; dan
- e) Memanfaatkan Diaspora Malaysia dalam Meluaskan Pasaran Produk dan Perkhidmatan Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

9. Kefahaman mengenai negara, ekonomi dan masyarakat China juga amat efektif melalui jalinan antara rakyat kedua-dua negara. Penubuhan Kampus Universiti Xiamen di Malaysia misalnya akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar Malaysia dan China menjadi duta negara masing-masing. Setakat ini, Kampus Universiti Xiamen mempunyai sebanyak 1,914 orang pelajar, termasuk 440 orang pelajar dari China. Pelajar-pelajar ini secara langsung boleh mempelajari budaya, ekonomi dan masyarakat Malaysia dan China, serta bertukar pengalaman dan idea demi manfaat bersama.

10. Selain itu, Pusat Pengajian Melayu di Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU) yang telah ditubuhkan pada tahun 2005, juga memainkan peranan untuk menyebarkan pengetahuan tentang kehidupan, sejarah, budaya, ekonomi, sosial dan politik di Malaysia dan Asia Tenggara.

Sekian, terima kasih.